

Muzium seni dasar laut

» Tidak perlu bersesak, tetapi pengunjung mesti mahir menyelam untuk melawat


Memang pelik tapi benar apabila seorang penyelam 'membina' muzium di bawah air dan tidak peduli sama ada ia boleh dikunjungi atau tidak daripada peminat seni.

Bagaimanapun, bagi peminat seni, apa yang dilakukan oleh Vladimir Brounskyy adalah satu pengembaraan yang menarik.

Muzium yang dinamakan Alley of Leaders ditubuhkan pada tahun 1992 di Cape Tarhankut di pesisir pantai Crimea, bekas wilayah Russia.



Arca Neptune tuhan Greek yang kononnya **menguasai lautan dan bumi** memegang tombak bermata tiga.



Patung wajah Vladimir Ilyich Ulyanov Lenin, **Pemimpin terkemuka Russia** antara tarikan muzium Seni di dasar laut



Romantik dan misteri

Cape Tarkhankut terletak di bahagian paling barat semenanjung Crimea, dikenali sebagai tempat romantik dan misteri. Cuaca di sini selalunya panas dan lembap dengan tiupan angin dari Laut Hitam.

Pada musim panas, cuacanya sangat panas dan kering serta berangin pada waktu siang, tetapi agak sejuk ketika malam. Ketika ini, air lautnya menjadi sejernih kristal dan ia menarik kehadiran pelancong seluruh dunia.



Ketika air laut bersih dan jernih ini, pelancong biasanya boleh melihat objek dari Muzium Seni Alley of Leaders di dasar laut sedalam sembilan meter atau 30 kaki.

Umpama melihat ikan berwarna warni

Broumenskyk dari Donetsk, Ukraine membawa patung dan arca wajah bekas pemimpin dan tokoh terkenal Russia untuk disusun di dasar laut selepas kejatuhan Kesatuan Soviet.

Ini termasuklah patung pemimpin Komunis seperti Lenin, Stalin dan Karl Marx selain 'menenggelamkan' beberapa bangunan ikon dunia, antaranya Eiffel Tower dan Jambatan Menara London.

Sesetengah patung itu sudah rosak, sumbing dan berlumut.

Muzium seni ini tidak perlu bimbang mengenai kedatangan pengunjung pada waktu puncak. Ini kerana pelawat perlu menyelam untuk tiba di muzium ini.

Bagaimanapun, itu bukan masalah kepada mereka yang memang peminat seni tegar.

"Bagi mereka, menyelam sambil melihat himpunan atau koleksi barangan seni adalah satu lagi aktiviti menyeronokkan.

"Ia sama seperti menyelam sambil melihat karang laut berwarna warni atau bermain dengan ikan," kata Broumenskyk.

MENYELAM SAMBIL MELIHAT
HIMPUNAN ATAU KOLEKSI
BARANGAN SENI ADALAH
SATU LAGI AKTIVITI
MENYERONOKKAN"

Vladimir Broumenskyk,
Peminat seni



Replika Jambatan London turut menghiasi dasar laut di Cape Tarkhankut.

Garis pantai Cape Tarkhankut yang menjadi lokasi muzium di dasar laut.